

TEKS UCAPAN

**MENTERI KERJA RAYA
YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI**

**MAJLIS PECAH TANAH HAB PENGECCASAN EV BERSEPADU
PERTAMA DI MALAYSIA**

TARIKH :16 OKTOBER 2025

**LOKASI: KAWASAN REHAT & RAWAT (R&R) SEREMBAN
(ARAH SELATAN), LEBUHRAYA UTARA-SELATAN**

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

Salutasi (akan dikemas kini)

- 1) Yang Berbahagia Dato' Ir. Hj. Sazali Harun**
Ketua Pengarah, Lembaga Lebuhraya Malaysia

- 2) Yang Berbahagia Datuk Mohammad Razman Abu Samah**
Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)

- 3) Yang Berbahagia Dato' Mohamad Nasir Ab. Latif**
Pengerusi, PLUS Malaysia Berhad

- 4) Yang Berusaha Encik Lim Han Weng**
Pengerusi Eksekutif Kumpulan, Yinson Holdings Berhad

- 5) Yang Berbahagia Datuk Nik Airina Nik Jaffar**
Pengarah Urusan, PLUS Malaysia Berhad

- 6) Rakan-rakan media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian.**

Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

1. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia, PLUS Malaysia Berhad, Yinson Greentech serta semua rakan strategik yang terlibat dalam menjayakan Majlis Pecah Tanah Hab Pengecasan Kenderaan Elektrik (EV) Bersepadu pertama di Malaysia pada hari ini.
2. Saya amat bersyukur kerana dapat bersama-sama hadir menyaksikan satu lagi detik penting negara dalam membangunkan infrastruktur mobiliti masa hadapan.

SELARI DENGAN PELAN PERALIHAN TENAGA NEGARA & MOBILITI RENDAH KARBON NEGARA

3. Inisiatif Hab EV Bersepadu ini merupakan satu usaha yang selari dengan dasar dan hala tuju Kerajaan dalam mempercepatkan peralihan tenaga dan mobiliti rendah karbon. Ianya merupakan sebahagian daripada pelaksanaan Pelan Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Mobiliti Rendah Karbon (LCMB), yang keduanya menjadi panduan negara untuk mencapai sasaran sifar pelepasan gas rumah hijau menjelang tahun 2050.
4. Hari ini, kita tidak lagi melihat Kawasan Rehat & Rawat (R&R), seperti di R&R Seremban ini atau Hentian Sebelah di lebuhraya sekadar tempat berhenti berehat atau mengisi minyak.

5. Melalui pembangunan ini, kita bakal melihat satu transformasi R&R lebuhraya kepada sebuah destinasi perkhidmatan mobiliti yang mengintegrasikan evolusi keperluan dan pengalaman pengguna daripada aspek makanan, minuman dan fasiliti awam yang lengkap, moden dan inklusif.
6. Projek ini turut membawa impak yang positif kepada ekonomi dan masyarakat. Ia akan menyokong pertumbuhan ekonomi tempatan, menjana peluang pekerjaan dan dalam masa yang sama meningkatkan kualiti hidup rakyat melalui penyediaan kemudahan yang mesra pengguna dan mesra alam.
7. Lebuhraya kita merupakan nadi penghubung antara bandar dan wilayah. Justeru, perkhidmatan mobiliti masa hadapan termasuk mobiliti elektrifikasi merupakan komponen penting dalam usaha ke arah lebuhraya pintar.
8. Saya juga difahamkan, terdapat 140 poin pengecas pantas di kesemua lebuhraya di Malaysia termasuk 114 poin di PLUS. Ini membantu mengurangkan kebimbangan jarak atau 'range anxiety' dalam kalangan pengguna EV. Inisiatif ini akan diteruskan dengan tambahan 50 poin pengesas pada tahun hadapan di seluruh lebuhraya.
9. Tahniah saya ucapkan kepada usaha padu KKR, LLM serta PLUS yang telah menyediakan kemudahan ini kepada pengguna EV bagi memastikan mereka menikmati perjalanan yang lebih lancar dan selesa di lebuhraya.

CIRI-CIRI HAB EV YANG BERSEPADU

10. Hab EV di R&R Seremban ini yang dijangka siap pada awal tahun 2027, akan dilengkapi dengan 20 poin kemudahan pengecasan pantas. Selain itu, ruang F&B, kemudahan awam seperti tandas dan surau, serta sistem pencahayaan cekap tenaga turut disediakan.
11. Malah, reka bentuk Hab EV Bersepadu ini juga telah disediakan dengan infrastruktur solar, membuktikan komitmen terhadap amalan tenaga boleh diperbaharui.
12. Syabas kepada seluruh pasukan KKR dan LLM yang telah menyokong syarikat konsesi lebuhraya bagi memastikan semua perjalanan perancangan, kelulusan serta aspek kawal selia untuk pembangunan ekosistem pengecasan EV di lebuhraya dilaksanakan secara teratur dan mencapai sasaran agenda nasional.
13. Infrastruktur seperti ini bukan sahaja menyokong kemudahan perjalanan rakyat, malah akan menjana pertumbuhan sosio-ekonomi negara dari aspek menarik pelaburan domestik serta membuka peluang pekerjaan kepada rakyat.
14. Kejayaan projek ini adalah hasil kerjasama yang erat antara sektor awam dan swasta, di mana dasar progresif disediakan oleh Kerajaan, pelaksanaan dijayakan oleh syarikat konsesi lebuhraya serta pemain industri, dan manfaat akhirnya sampai terus kepada rakyat. Inilah model

Malaysia Madani yang kita ingin bangun bersama untuk kesejahteraan rakyat Malaysia.

PENUTUP

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberi komitmen tinggi terhadap kejayaan projek ini.

16. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada KKR, LLM, PLUS, Yinson GreenTech serta semua pihak yang terlibat. Semoga usaha kita ini menjadi pemangkin kepada pembangunan lebih banyak infrastruktur hijau, lestari dan pintar di negara kita.

17. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada semua kaum India beragama Hindu yang meraikan perayaan ini. Saya berharap diskaun tol yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dapat memberikan sedikit kelegaan kepada pengguna lebuh raya untuk pulang ke kampung di musim perayaan ini.

18. Saya dengan sukacita merasmikan Majlis Pecah Tanah Hab Pengecasan EV Bersepadu pertama di Malaysia di R&R Seremban (Arah Selatan) ini sebagai simbol permulaan kepada era baharu dalam perkhidmatan mobiliti masa hadapan negara.

Sekian, terima kasih.

